

# Angkat agenda kesukarelawanan

Kelab In-Smartive aktif anjur program khidmat bakti



Kepimpinan Kelab In-Smartive yang sentiasa kreatif dan inovatif dalam perkongsian idea.

In-Smartive merupakan kelab yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) sejak 2003, iaitu setahun selepas pengasasan universiti ini yang ketika itu dikenali dengan nama lamanya, Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM).

In-Smartive lahir daripada cetusan idea sekumpulan mahasiswa perintis universiti ini yang menyedari keperluan untuk mengangkat agenda kesukarelawanan secara terancang, terarah dan berstruktur untuk melahirkan komuniti berpengetahuan yang prihatin, peka dan penyayang melalui gerak kerja yang profesional, efisien dan sistematik.

Nama 'In-Smartive' merupakan kependekan daripada gabungan tiga perkataan bahasa Inggeris iaitu *Intelligent* (Bijak), *Smart* (Pintar) dan *Creative* (Kreatif).

In-Smartive komited menawarkan perkhidmatan berkaitan memudah cara dan latihan berkaitan motivasi akademik; latihan kepimpinan dan pemeraksanaan jati diri berteraskan pengetahuan; dan pembelajaran berasaskan pengalaman secara sukarela kepada kelompok penerima manfaat daripada kalangan pelajar sekolah rendah, menengah, institusi pendidikan tinggi serta masyarakat umum.

## PROGRAM IMPAK BESAR

Kelab In-Smartive saban tahun meluaskan rangkaian kesukarelawanan pendidikannya ke peringkat antarabangsa. Tahun lepas (16-23 Ogos) kelab In-Smartive berkunjung ke Vietnam bagi memperluas jaringan kesukarelawanannya.

Presiden, Muhammad Abdul Muhaimin Mamat, mahasiswa tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, berkata, di Vietnam, kelab In-Smartive membuat kerjasama murni bersama NGO - SOS Children Village di bandar Ho Chi Minh.

Selain itu, In-Smartive juga telah meluaskan rangkaian kesukarelawan bersama Christina Noble Children's Foundation dan berkhidmat untuk kanak-kanak yang memerlukan bantuan kecemasan; pemulihan pemakanan; pendidikan; latihan vokasional dan penempatan pekerjaan; dan juga kanak-kanak berisiko eksploitasi



MUHAMMAD ABDUL MUHAIMIN



seks dan ekonomi di Vietnam. Di samping mencurahkan bakti bagi membantu yang memerlukan, ahli kelab juga dapat mempelajari kemahiran pengurusan strategik bersama kedua-dua NGO untuk menambah baik pengurusan hal ehwal pentadbiran kelab.

Menurut Abdul Muhaimin, In-Smartive sentiasa menjadi kayu ukur kepada kelab lain, tidak kira mengenai pengurusan projek atau pentadbiran dalaman kelab. Kepelbagaian projek yang dijalankan turut menerima sambutan baik warga kampus.

"Saya gembira kelab ini diterima ramai. Kewujudan kelab ini bukanlah untuk persaingan tetapi lebih kepada pelengkap gerak kerja kemahasiswaan di UMP dalam memperkaya pengalaman kampus mahasiswa sebagaimana yang disaran Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Datuk Dr Yusserrie Zainuddin.

"Bagaimana setiap kelab lain memiliki bidang tujahan dalam kategori masing-masing, begitu juga In-Smartive memberi peranan dalam kesukarelawanan di UMP dan kami sentiasa berusaha untuk menjadi lebih baik bagi menaikkan nama dan martabat universiti," katanya.

Beliau juga berharap kelab sentiasa dipandu seiring dengan agenda perdana universiti dan kerajaan, seterusnya, nilai profesionalisme kelab haruslah sentiasa dipegang teguh oleh semua.

## INFO

### ANUGERAH KELAB

- Kelab Terbaik UMP 2013, 2015
- Penasihat Kelab UMP Terbaik 2013
- Anugerah Sanjungan Pelajar 2013 (kategori Khidmat Komuniti)

### Pencapaian Kelab:

- Pembentangan perkongsian pengalaman Projek Smart Reach Out Jogjakarta, Indonesia 2014 di Annual Conference & Expo 2015 of the Association of International Educators di Boston, Massachusetts.
- Pembentangan perkongsian pengalaman Projek Smart Reach Out Cambodia 2015 di Annual Conference & Expo 2015 of the Association of International Educators (NAFSA) di San Diego, California.
- Jaringan Serantau Kesukarelawan bersama Aktivis kesukarelawan dari Negara-negara Asean seperti Singapura, Vietnam, Indonesia dan Kemboja.
- Jaringan kolaborasi bersama lebih 100 buah sekolah dan institusi pendidikan seluruh Malaysia.

Pusat pengajian tinggi sama ada universiti, institut pendidikan guru, politeknik atau kolej yang mempunyai kelab atau persatuan yang aktif dan menarik untuk diketengahkan, boleh emel kepada roshlawaty@sinarharian.com.my

## APA KATA AHLI

“Rasa diri cukup beruntung kerana menjadi ahli In-Smartive kerana kelab ini memberi peluang sama rata kepada semua ahli untuk menyertai projek yang dijalankan tanpa mengira kaum. Sudah lama saya impikan memasuki In-Smartive dan berkhidmat semula kepada masyarakat.



- Koh Bee Fong, Ijazah Sarjana Muda Fakulti Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian

“Kelab ini begitu menjaga kebajikan ahli. Aspek sahsiah dan nilai yang diterapkan juga amat berguna, ia tidak dapat dibina melalui ilmu dan pengetahuan di bilik kuliah. Saya juga dapat mengasah bakat kepimpinan melalui kelab.



- Muhammad Farid Sulaiman, Ijazah Sarjana Muda Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

- Muhammad Farid Sulaiman, Ijazah Sarjana Muda Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

